

Pemandu bawa 43 pekerja asing ikut laluan berbeza ketika menuju ke MASkargo

12 korban bas masuk longkang

KOSMO (09/04/2019) M/S 02

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA dan
AFIQ AL-HAFIZ MAT YUSOF

SEPAANG – Sebanyak 11 pekerja asing dan seorang pemandu tempatan terbunuh selepas bas kilang yang dinaiki mereka hilang kawalan sebelum terjunam ke dalam longkang sedalam 10 meter di Jalan S8 Pekeliling dekat MASkargo Sdn. Bhd. (MASkargo) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini malam kelmarin.

Kejadian kira-kira pukul 11.10 malam itu mengorbankan lapan lelaki dan empat wanita masing-masing empat warga Indonesia, dua warga Nepal, lima warga Bangladesh dan seorang rakyat tempatan.

Difahamkan, kebanyakan penumpang bas tersebut mengalami kecederaan parah pada badan dan kepala akibat hentakan kuat selepas kenderaan dinaiki mereka terjunam ke dalam longkang.

Ketua Polis Daerah KLIA, Asisten Komisioner Zulkifli Adamshah berkata, laporan awal yang diterima mendapati bas kilang tersebut membawa seramai 43 penumpang yang juga pekerja kontrak dari asrama mereka di Putra Nilai, Negeri Sembilan menuju ke tempat kerja di Kompleks MASkargo di sini.

Jarak antara asrama pekerja dengan MASkargo adalah kira-kira 20 kilometer.

Jelas Zulkifli, kesemua pekerja yang dipercayai bekerja secara kontrak itu sepatutnya masuk bertugas mengikut syif pada pukul 12 malam semalam.

“Siasatan awal mendapati, seramai 12 orang warga Bangladesh, Nepal (14), Indonesia (14) dan empat warga tempatan

INFO

Kemalangan maut babitkan 12 pekerja di Sepang



- 1 Bas kilang bawa 43 pekerja asing dalam perjalanan dari asrama pekerja di Nilai menuju ke MASkargo di Sepang
- 2 Bas sepatutnya memasuki simpang ke Kompleks Kargo yang terletak di sebelah kanan Bulatan Minyak
- 3 Bas menuju ke laluan hadapan sebelum terbabas dan terjunam ke dalam longkang sedalam 10 meter

berada di dalam bas tersebut.

“Sewaktu dalam perjalanan, bas tersebut dipercayai terbabas sehingga terjunam ke dalam longkang besar. Polis bagaimanapun sedang menyiasat punca kejadian tersebut,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Menurut Zulkifli, kesemua mangsa yang maut mengalami kecederaan parah pada anggota badan dan mayat dihantar ke Hospital Serdang untuk bedah siasat.

“Baki penumpang yang selamat masing-masing dihantar ke Hospital Putra-

jaya, Hospital Kajang dan Hospital Banting untuk rawatan lanjut,” jelasnya.

Jelas beliau, polis sedang menjalankan siasatan terhadap tindakan pemandu bas kilang berkenaan yang menggunakan laluan lain untuk menghantar pekerja sehingga mengakibatkan kemalangan.

Katanya, bas tersebut sepatutnya menghala ke arah Kompleks MASkargo untuk menurunkan penumpang namun memilih untuk menggunakan laluan lain.

“Siasatan awal mendapati, pemandu bas berusia 43 tahun tersebut sepatutnya

INFO

Senarai mangsa yang terkorban

NAMA	UMUR	WARGANEGARA
1. S. Suresh (pemandu)	43	Malaysia
2. Jagarnath Sigh Danuwar	31	Nepal
3. Ramu Chaudhary	37	Nepal
4. Md. Razib Minsi	26	Bangladesh
5. Md. Sohel	24	Bangladesh
6. Golam Mustafa	22	Bangladesh
7. Mohin	37	Bangladesh
8. Al Amin	25	Bangladesh
9. Ayu	22	Indonesia
10. Azura Afrianti	22	Indonesia
11. Rosvita Loka Harahap	23	Indonesia
12. Fitri Nurjahari	21	Indonesia

mengambil laluan pukul 3 di Bulatan Minyak, namun dia menggunakan laluan pukul 12 ke arah tempat simpanan kapa terbang.

“Saya difahamkan, kompleks MASkargo hanya terletak kira-kira 200 meter dari bulatan terbabit dan perkara ini menjadi tanda tanya pihak berkuasa,” katanya.

Sementara itu, syarikat pembekal tenaga kerja, Mutiara Kayamas Sdn. Bhd. mengesahkan kesemua mangsa termasuk pemandu bas merupakan pekerja syarikat berkenaan.



PASUKAN penyelamat memberi bantuan awal kepada pekerja yang parah selepas bas kilang dinaiki terjunam ke dalam longkang di Jalan S8 dekat kompleks MAskargo, Sepang malam kelmarin.



BAHAGIAN hadapan bas kilang yang rosak teruk selepas terjunam ke dalam longkang sedalam 10 meter sehingga mengorbankan 12 nyawa.